

09 AUG 1998

Mahathir-Cukai

CUKAI LANGKAWI: KERAJAAN TIDAK DAPAT LAYAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak dapat melayan cadangan supaya keistimewaan pengecualian cukai barangan bagi pengunjung ke pulau ini yang bermalam sekurang-kurangnya 72 jam kepada tempoh yang lebih singkat.

"Pakai tak payah datanglah...pakai pos sudah," katanya ketika diminta mengulas cadangan beberapa pihak supaya tempoh 72 jam dikurangkan kepada 48 jam atau 24 jam.

Bercakap kepada pemberita selepas meninjau Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (LISRAM) di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan juga memerlukan pendapatan kerana jika tempoh itu dikurangkan sudah pasti ada pihak yang mahu supaya tempoh itu dikurangkan lagi.

"Kerajaan nak duit jugak. Kita dah kurang, tiap-tiap kali kurang nak kurang juga. Lama-lama tak payah datang pun dapat juga (barangan bebas cukai)," katanya.

"Sekiranya diberi 48 jam nak 24 jam, bagi 24 jam nak 12 jam lepas itu nak 6 jam dan selepas 6 jam tak payah datang pun boleh beli...kedai di daratan (tanah besar) tutup semua," katanya.

Cadangan supaya tempoh 72 jam disingkatkan kepada 48 jam pernah dibuat oleh Persatuan Agensi-agensi Pelancongan Bumiputera Langkawi (Al-Bumita) dalam usaha menarik lebih ramai pelancong ke pulau peranginan ini.

Ketika diminta mengulas mengenai sikap sesetengah ejen pelancongan yang membawa pelancong ke kawasan tertentu atas dasar komisen, Dr Mahathir berkata beliau tidak suka dengan sikap mereka yang mahu mengambil untung secara berlebihan.

"Biasanya ejen pelancongan minta komisen, kita tak berapa marah sangat. Tetapi yang minta yang bukan-bukan sampai mereka dapat lebih daripada pengusaha ini priofiteering (untung secara berlebihan). Sepatutnya mereka dapat sedikit sahaja tak apalah seperti satu peratus atau 10 peratus tak apalah.

"Tetapi sekiranya ada ejen pelancongan mendapat RM2 manakala pengusaha mendapat RM1 macam mana?," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengambil tindakan berhubung perkara ini.

Sebelum itu, Dr Mahathir meninjau ke beberapa projek pembangunan di sekitar pulau ini.

Beliau melawat Laman Padi, sebuah pusat pelancongan pertanian, di Pantai Chenang yang terdiri daripada muzium padi, pusat maklumat pelancong, restoren dan tiga unit pavilion.

Turut sama dalam lawatan itu ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib.

-- BERNAMA

NH JM AKD